

12/06/2001

Dr M dedah muslihat Barat melalui globalisasi

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan bahawa kuasa besar Barat cuba memaksa dunia mengguna pakai satu set budaya yang mereka inginkan dan dibawa secara halus melalui proses globalisasi.

Perdana Menteri berkata, walaupun kebanyakan negara Islam mahu menerima globalisasi dari segi perdagangan, ia tidak boleh menerima paksaan globalisasi dalam bentuk budaya itu.

"Sekarang ini bukan saja globalisasi dari segi perdagangan malah kebudayaan. Ada cubaan untuk memaksa seluruh dunia menerima pakai kebudayaan berasaskan amalan dunia Barat, termasuk homoseksual.

"Mereka ini cuba memaksa, tetapi pada masa yang sama memperjuangkan demokrasi. Apa makna demokrasi jika kita diberi cuma satu pilihan? Demokrasi bermakna kita ada hak untuk memilih apa yang baik untuk kita," katanya pada sesi soal jawab di seminar antarabangsa mengenai Kesan Globalisasi Terhadap Dunia Islam: Isu Dan Cabaran Pada Abad Ke-21, di sini hari ini.

Seminar tiga hari anjuran Kementerian Luar serta Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR) di Jabatan Perdana Menteri itu disertai 136 peserta, termasuk 70 peserta asing yang mewakili 42 negara seperti Sudan, Maghribi, Bangladesh, Pakistan, Uzbekistan dan Sierra Leone.

Dr Mahathir berkata, jika sesebuah negara enggan tunduk kepada kemahuan 'penggerak globalisasi menerusi kebudayaan' itu, mereka boleh mengenakan pelbagai tekanan atau sekatan ekonomi yang boleh menyeksa negara membangun.

Katanya, berlaku pemusnahan moral dalam dunia kebendaan malah homoseksual digalakkan dan kadangkala hubungan keji antara adik beradik, ibu bapa dan kanak-kanak dibenarkan.

"Nampaknya dengan nama hak asasi manusia, semuanya dibenarkan dan tiada apa pun yang dilarang. Institusi perkahwinan dan kekeluargaan tidak lagi dihormati. Ia dianggap tidak lagi perlu.

"Keluarga didefinisikan sebagai dua atau lebih seorang hidup bersama tanpa upacara perkahwinan atau pendaftaran, memperolehi dan membesarkan anak-anak, yang mana ibu bapa sebenar tidak dapat dipastikan," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya Dr Mahathir berkata negara Islam perlu bertindak secara bersama dalam mencorakkan globalisasi untuk memastikan ia boleh memberi manfaat kepada mereka dan dunia keseluruhannya.

Katanya, negara Islam tidak boleh menolak globalisasi dengan begitu sahaja tetapi mereka boleh mempengaruhi interpretasinya, menyelaraskan pelaksanaan, mengubah asas dan mencorakkannya semula.

"Globalisasi tidak semestinya bermakna dunia tanpa sempadan. Sempadan masih boleh wujud dan seharusnya dihormati," katanya.

Beliau berkata dengan teknologi moden, segala bentuk maklumat boleh merentasi sempadan tanpa sekatan.

Bagaimanapun, katanya, negara Islam boleh mamajukan perisian malah juga perkakasan yang boleh menolak sekurang-kurangnya sebahagian daripada unsur-unsur buruk yang datang bersama-sama dengan maklumat itu.

Dr Mahathir berkata, negara Islam perlu ingat bahawa mereka sudah terlepas sama-sekali daripada Revolusi Perindustrian kerana mereka sibuk berbahas sama ada modenisasi sesuai dengan Islam atau tidak.

"Sementara mereka saling mengecam antara satu sama lain mengenai perkara remah mengenai sains dan agama, sementara mereka menimbang bertahun-tahun sama ada tenaga elektrik boleh digunakan dalam masjid atau tidak, negara

Eropah sibuk menggunakan pengetahuan baru mereka mengenai perkara yang bercorak mekanikal, kejuruteraan dan mengurangkan tenaga buruh untuk digantikan dengan jentera," katanya.

Perdana Menteri berkata, golongan yang memperjuangkan globalisasi sedang dengan giat menyediakan diri mereka untuk merebut peluang daripada pasaran dunia tanpa sempadan.

Katanya, mereka datang bersama-sama dengan bank dan perbadanan gergasi, mengambil alih dan menyatukan, menjadi semakin besar daripada kebanyakan negara, malah boleh membeli negara jika mereka mahu.

"Mereka sebenar-benarnya berkuasa dan sangat berpengaruh. Mereka berupaya mengurangkan pelaburan, menarik keluar modal, menurunkan nilai mata wang dan mengenakan tekanan terhadap kerajaan supaya berubah.

"Malah, mereka mengadakan peraturan yang memberi faedah kepada mereka. Banyak lagi perkara lain boleh dilakukan oleh gergasi ini yang baik untuk mereka tetapi tidak semestinya baik bagi negara tempat mereka menjalankan operasi atau bagi dunia seluruhnya," katanya.

Dr Mahathir berkata, umat Islam boleh diserang oleh idea dan nilai serta tata susila yang asing bagi mereka, yang membawa kesan sama dengan serangan ketenteraan.

"Malah ia lebih buruk daripada itu kerana setiap aspek hidup kita akan diserang. Pemikiran kita akan diserang dan agama kita pun akan diserang," katanya.

(END)